

**NOTA PERCAKAPAN YAB PERDANA MENTERI: SESI LIBAT  
URUS BELANJAWAN 2026 BERSAMA PEMAIN INDUSTRI  
PELANCONGAN DAN PEMBUATAN**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue : HOTEL CASA DEL RIO, MELAKA

Date : 27/09/2025

---

**NOTA PERCAKAPAN**

**YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI DAN**

**MENTERI KEWANGAN**

**SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2026 BERSAMA PEMAIN**

**INDUSTRI PELANCONGAN DAN PEMBUATAN**

**27 SEPTEMBER 2025 (SABTU) | 3.30 PETANG**

**HOTEL CASA DEL RIO, MELAKA**

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh,**

Ketua Menteri Melaka;

**Yang Berhormat Datuk Khairul Firdaus bin Akbar Khan,**

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya;

**Yang Berbahagia Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz,**

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan;

**Ahli-ahli Yang Berhormat;**

**Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri;**

## **Para pemain industri pelancongan dan pembuatan;**

### **Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.**

1. Siri Dialog Belanjawan ini berterusan dari peluncurannya beberapa bulan yang lalu di Kementerian Kewangan kerana ia diuruskan oleh beberapa negeri. Tapi sebelum itu saya telah turun ke semua negeri di Malaysia ini untuk mendengar sendiri dari Ketua Menteri, Menteri Besar, Premier tentang keutamaan yang disenaraikan oleh negeri supaya keputusan kita itu tidak hanya ditetapkan oleh Kementerian sama ada Kementerian Ekonomi atau Kementerian Kewangan atau kementerian-kementerian tetapi mengambil kira penyesuaian yang diperlukan setelah mendengar keutamaan oleh negeri masing-masing, itu telah dilakukan.
2. Dalam siri ini kita jelajah ke negeri-negeri dan kawasan, saya tidak hadir semua, tetapi ada yang diikuti oleh Menteri Kewangan II dan menteri-menteri yang berkaitan, dalam tajuk-tajuk yang khusus termasuk electrical & electronics (E&E), digital dan energy, tetapi untuk hari ini kita fokus pelancongan dan pembuatan.
3. Melaka ini sesuai kerana di bawah pimpinan sahabat saya ini, nampak pelancongan tunjukkan prestasi yang hebat dan luar biasa. Saya ucap tahniah!. Baik, saya hendak jelaskan tentang Belanjawan, strategi belanjawan kerana kita ada pelbagai pandangan.

4. Dari segi prakarsa ekonomi tentunya pertimbangannya harus mengukuh kekuatan ekonomi dan hasil kepada negara. Kalau kita guna kitab ekonomi itulah jawapannya, daripada Adam Smith ke Keynes sampai lah sekarang, tetapi dalam pertimbangan satu negara ada beberapa hal lain yang kita harus juga fikirkan. Kebajikan rakyat, keupayaan mereka menangani permasalahan kos sara hidup, soal perumahan dia, itu sebabnya mengapa dalam kebijaksanaan pimpinan menetapkan kebijakan ekonomi harus mengimbangi di antara apa yang disebutkan “pure economic prescriptions” dengan menyantuni kehendak rakyat.
5. Inilah sebabnya mengapa, umpamanya dalam RON95 bila kita ubah daripada pendekatan awal, pendekatan awal ini maknanya naiknya kemudian beri suntikan kepada golongan yang agak pendapatannya RM20,000 ke bawah dan sebagainya. Itu mungkin dari segi preskripsi ekonomi itu terbaik, hasil mungkin besar tetapi beban rakyat juga besar.
6. Saya percaya kalau kita gunakan kaedah itu, seperti mana yang dianjurkan oleh pakar-pakar ekonomi katanya kepada Kementerian Kewangan dan kepada saya, maka akan memberikan kesan dan impak yang bagi saya membebankan kepada majoriti rakyat, walaupun katanya terlepas dari tekanan secara langsung tapi jumlah kohot yang terpaksa bayar kadar yang tinggi RM7.60 itu terlalu ramai mungkin mencecah 5-6 juta penduduk Malaysia. Sebab itu setelah dibentang semula ke Jemaah Menteri, dikaji, kita ambil pendekatan yang paling lunak, iaitu mengurangkan sama sekali beban kepada rakyat dengan membezakan di antara warganegara Malaysia yang mempunyai kad pengenalan dengan warganegara. Jadi, bukan

warganegara yang daftar kenderaan Malaysia dia bayar RM2.60, dengan rakyat Malaysia RM1.99, dan kenderaan yang daftarnya di luar negara dia masih guna RON97. Itu pendekatan yang kita pilih.

7. Tentunya, apa juga pendekatan memang menimbulkan pandangan yang agak mungkin berbeza, tetapi Alhamdulillah setakat ini. Tadi pagi saya di Sandakan, jadi saya terus berlepas terus dari Sandakan ke Melaka. Nasib baik Melaka ada lapangan terbang. Saya sebut ini sebab saya tahu Ketua Menteri ini, tiap kali saya jumpa, dia ada bawa satu fail besar: permohonan, permohonan, permohonan. Nanti sebentar lagi ada lagi itu (nada berseloroh). Jadi saya bergurau dengan dia, saya kata: “Bagilah saya selesai yang dulu. Belum lagi selesai yang dulu, dia bagi lagi submission yang baru.”
8. Tapi baiknya apa? maknanya dia jalankan tugas. Cuma saya minta simpatilah kepada saya, saya berkena jalankan tugas juga untuk imbangkan. Baik, jadi yang saya hendak tekankan itu ialah bila kita perkenalkan kepada tentera dan polis, hari ini perjalanannya masih Alhamdulillah terkawal baik, dan ramai tentera tadi pagi dengan polis menyatakan, dia tidak jangka semudah itu guna MyKad. Tetapi bila kita luaskan kepada penerima STR yang mencecah lima juta orang, itu mungkin lebih mencabar. Dan akhirnya, 30 hari bulan, insya-Allah kita dapat membaikinya.
9. Yang kedua ini tentang kedudukan ekonomi negara. Seperti saudara tahu kedudukan ekonomi di rantau ini banyak mencabar, iaitu tidak menepati unjuran awal, dan Bank Dunia serta Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan penguncupan kecil daripada

unjuran awal. Kita Alhamdulillah, dalam suku tahun pertama, kedua itu masih dapat mengekalkan unjuran awal, dan ini berkat kestabilan politik negara yang aman ketimbang banyak negara lain. Kebanyakan keresahan itu akibat dari keresahan kerana kos sara hidup dan kesenjangan di antara golongan elit berkuasa dengan rakyat biasa.

10. Kadang-kadang keputusan kita itu terlalu memihak kepada golongan atasan dan meminggirkan golongan bawahan. Ini ada kaitan dengan mukaddimah saya tadi, bahawa economic prescriptions itu cannot be dictated by pure economic theory or rational, it has to be balanced with the need and wisdom to ensure that the masses, the majority of our people do benefit for foreign direct investment (FDI). Jadi bila kita buat begitu tentunya ada yang mempersoalkan sama ada Dasar penyasaran subsidi itu kita lakukan dengan bijak. Dasar Penyasaran Subsidi itu dibicarakan oleh semua Perdana Menteri kita dahulu, semua mengatakan mesti, tetapi belum ada yang upaya kerana ia akan menimbulkan kontroversi. Jadi sebab itu kita ambil, kita jalankan, tetapi kita ambil jalan yang paling munasabah, ringan supaya tidak membebankan rakyat. Dalam masa itu tidak menyebabkan ketirisan yang besar.
11. Saya bagi contoh, subsidi letrik itu menyebabkan kita menjimatkan, menghalang pertamanya kebocoran dan ketirisan dan menyebabkan kita perolehi tambahan RM4 bilion. Bayangkan, 85% tidak terkesan tetapi hasilnya itu RM4 bilion dan penjualan diesel ke kapal-kapal asing ke luar negara itu dapat dikekang.

12. Yang berikutnya tentang kedudukan ekonomi ini adalah tentang pemusatan kita dalam bidang digital dan transisi tenaga. Saya ucap tahniah sekali lagi dalam soal E&E dan semikonduktor, Melaka itu di antara negeri yang diberi perhatian. Saya bicara sendiri dengan Siemens dan juga Infineon umpamanya, yang menganggap Melaka itu very attractive for foreign direct investment.
13. Sebab itu persaingan di antara negeri-negeri itu hebat, tetapi semuanya berkembang. Johor, kerana kita tumpukan Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ), sekarang Johor merupakan negeri yang mendapat pelaburan asing tertinggi di negara kita, yang dulunya tercorot. Jadi manfaat. Melaka terus mencatat yang tinggi sehinggakan terpaksa diperluaskan kawasan-kawasan tapak industri.
14. Tetapi yang terkait dengan E&E iaitu semikonduktor ini sangat penting kerana ini hasil yang besar untuk kita. Berapa jumlah E&E dan semikonduktor yang dieksport ke Amerika Syarikat sahaja? RM200 bilion. Sebab itu kadang-kadang bila kita bicara, sementara kita keras pandangan kita tentang soal Gaza dan tidak bersetuju dengan berapa keputusan dan kebijakan dasar luar Amerika Syarikat (AS), ia tidak harus dijadikan bahan untuk memutuskan hubungan atau menimbulkan konflik, kerana sebagai negara yang bergantung kepada perdagangan, kita juga ada yang kita tidak kita setuju semua dengan negara China atau dengan negara-negara dalam ASEAN, atau dengan India, atau dengan Eropah, Itali, Kanada. Ini semua pemimpin yang akan datang ke sini, tetapi kita masih berdiri tegas menyatakan pendirian, tetapi masih meneruskan dialog dan perbincangan.

15. Saya singgung hal ini kerana kalau RM200 bilion, maknanya supply chain itu sudah puluh ribu syarikat-syarikat tempatan, dan pekerjaanya mencecah 30-40 ribu yang terlibat dalam semikonduktor. Jadi tiap keputusan yang kita buat itu mesti mengambil kira hal ini. Ini saya sebut ini kerana ada orang pertikaikan mengapa kita izinkan Presiden Donald Trump untuk datang ke Malaysia pada 26 hari bulan ini. Tetapi kita juga izinkan Presiden Xi Jinping datang. Dalam soal Gaza, beliau bersama, mungkin dalam beberapa isu lain ada yang pertikaikan. Dan Perdana Menteri, Premier Li Qiang akan datang 26 hari bulan. Perdana Menteri India Narendra Modi datang juga. Begitu juga Perdana Menteri Kanada, Perdana Menteri Itali, Presiden Brazil, Presiden Afrika Selatan dan Ketua-ketua Negara ASEAN, selain dari Australia, New Zealand, Jepun dan Korea.
16. Jadi, Alhamdulillah Malaysia menjadi tempat dan kita memanfaatkan ini untuk membangunkan ekonomi kita dan memberikan kita keyakinan untuk terus memberikan pandangan secara bebas.
17. Jadi saudara-saudara, tentunya perbincangan ini terbuka. Kita santai sahaja, bagi pandangan dan kita catit. Belanjawan 10 hari bulan, ini sesi yang akhir di dalam dialog ini. Jadi kalau ada surat daripada Ketua Menteri itu sudah terlepas dia punya deadline, gurau sahaja, kita bagi keutamaan. Sebenarnya semuanya approve kan? oh ada lagi.
18. Baik, jadi format ini, saya tentunya minta pandangan Ketua Menteri dahulu. Kemudian saya minta pandangan-pandangan secara terbuka, sebahagiannya saya boleh jawab terus, sebahagiannya TKSP ada, dan pengarah-pengarah daripada Kementerian Kewangan semua ada.

Yang silap-silap itu jawapan mereka. Jadi saya cuba bagi yang betul sahaja (nada berseloroh) Jadi sila saudara Ketua Menteri.

**Copyright of the Prime Minister's Office Official Website**

Source: <https://www.pmo.gov.my/2025/09/nota-percakapan-yab-perdana-menteri-sesi-libat-urus-belanjawan-2026-bersama-pemain-industri-pelancongan-dan-pembuatan/>